

20/01/2003

Bila tarikh pilihan raya?

Mior Kamarul Shahid

BILA pilihan raya? Inilah persoalan yang sering bermain di fikiran orang ramai, terutama mereka yang ghairah mengenai politik.

Perbincangan mengenai tarikh pilihan raya adalah perkara biasa kerana setiap kali tempoh sesebuah kerajaan menjangkau ke tahun keempat, orang ramai sudah menjangkakan satu pilihan raya baru akan diadakan.

Pilihan raya terakhir diadakan pada 29 November 1999. Setelah memasuki tahun keempat, cakap-cakap mengenai pilihan raya menjadi kian rancak. Berasaskan tarikh pilihan raya sebelum ini, kebanyakannya diadakan sebelum tempoh lima tahun berakhir.

Ramalan bila pilihan raya akan diadakan tidak memerlukan kepakaran penganalisis politik yang prolifik. Jadi, kalau parti pembangkang mula bercakap soal pilihan raya, sebenarnya sememangnya mereka, sebagaimana orang lain juga, sudah menjangkakan sesuatu akan berlaku pada bila-bila masa saja.

Bila ia akan diadakan bergantung kepada strategi parti yang memerintah dengan melihat keseluruhan senario politik semasa, kedudukan ekonomi dan faktor lain yang membolehkan pilihan raya diadakan segera atau menangguhkannya hingga ke saat akhir.

Bila isu pilihan raya dibangkitkan hari ini, ia menunjukkan bahawa rakyat melihat bahawa kerajaan sudah bersedia menemui rakyat pada bila-bila masa. Jika keadaan negara hari ini begitu buruk, tidak ada orang yang akan meramalkan ia akan diadakan secepat mungkin.

Pilihan raya yang akan datang ini agak berbeza dengan beberapa pilihan raya sebelum ini. Ramai yang ingin tahu sama ada ia akan diadakan sebelum atau selepas Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, melepaskan jawatannya.

Ramai yang meramalkan bahawa pilihan raya akan diadakan apabila Dr Mahathir meletakkan jawatan selepas Oktober tahun ini. Tetapi, tidak kurang juga yang membuat ramalan ia akan diadakan sebelum beliau berundur.

Jawapan kepada persoalan sebegini memerlukan rasional politik yang mendalam. Dr Mahathir tidak mungkin memberi jawapan kepada persoalan ini kerana ia akan memberi impak yang besar kepada percaturan pilihan raya nanti.

Sekalipun ditanya kepada beliau, jawapan yang mungkin diberikan adalah sama dengan jawapan sebelum ini sewaktu orang ramai sibuk mengenai tarikh pilihan raya.

Bagi kerajaan Barisan Nasional (BN), sama ada pilihan raya akan diadakan sebelum atau selepas Dr Mahathir bersara, tidak memerlukan polemik yang berpanjangan.

Namun, perbincangan mengenainya tidak dapat dielakkan. Ramai yang bertanya sekiranya pilihan raya diadakan sebelum Oktober, kemungkinan September, apakah Dr Mahathir boleh mampenkerusikan sidang Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) yang akan diadakan di Kuala Lumpur nanti?

Jawatan pengerusi OIC diberikan kepada ketua kerajaan yang menjadi tuan rumah. Timbul persoalan baru iaitu jika ia diadakan sebelum Oktober, bermakna Dr Mahathir perlu bertanding sekali lagi dan terus menjawat jawatan sebagai Perdana Menteri sehingga OIC selesai.

Selepas itulah proses penyerahan kuasa kepada timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi. Kedudukannya sebagai ahli Parlimen boleh diputuskan kemudian. Begitu juga kedudukan Dr Mahathir sebagai Presiden Umno.

Sebaliknya, jika pilihan raya diadakan selepas Oktober, ia akan menjadi

pilihan raya Abdullah yang mempunyai sekurang-kurangnya setahun untuk membuat persiapan.

Sebagaimana sering disebut bahawa dalam politik sehari pun adalah waktu yang panjang, bermakna apa pun boleh berlaku. Sekiranya BN beranggapan mereka sudah benar-benar bersedia untuk menang besar, termasuk menawan semula Kelantan dan Terengganu, tidak mustahil Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) dibubarkan dalam jangka waktu yang singkat ini. Ini juga bukanlah sesuatu yang ganjil.

Ia akan memerangkap pembangkang yang tidak bersedia. Tetapi, jika menunggu hingga ke saat akhir, ia memberi ruang yang luas kepada pembangkang untuk mengatur strategi mereka. Ia tidak akan mempunyai elemen kejutan kepada pembangkang.